

15/06/2000

Sukma fail notis rayuan

KUALA LUMPUR, Rabu - Sukma Darmawan Sasmitaat Madja hari ini memfailkan notis rayuan berhubung keputusan Mahkamah Rayuan menolak rayuannya untuk memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi.

Notis rayuan itu difailkan di pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan di sini pada jam 2.30 petang menerusi peguamnya Tetuan Karpal Singh & Company.

Mahkamah Persekutuan belum lagi menetapkan tarikh perbicaraan rayuan Sukma Darmawan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan kerana menolak rayuannya.

Pada 6 Jun lalu, Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Lamin Yunus bersama Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Denis Ong, menolak rayuan itu selepas membenarkan bantahan awal Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah.

Sukma Darwaman dan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemukakan rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Ariffin Jaka pada 21 April lalu bahawa Dr Mahathir tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan.

Ariffin bagaimanapun membenarkan penangguhan perbicaraan kes liwat itu sehingga rayuan berhubung isu itu diselesaikan.

Sebelum itu, dalam bantahannya, Mohtar berkata pembela tidak boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan Ariffin itu kerana ia bukanlah keputusan muktamad.

Sebaliknya, beliau berhujah, hakim boleh mengkaji semula keputusan itu walaupun pada akhir perbicaraan.

Bagaimanapun, peguam bela Anwar, Karpal Singh berkata pembela berhak memanggil saksi yang dirasakan perlu untuk mempertahankan kes mereka dan bukan bertujuan melengahkan perbicaraan itu.

Peguam Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo pula berkata, pembela patut diberi peluang secukupnya untuk membuat pembelaan.

Anwar, 53, dan Sukma, 39, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

(END)